

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN PELAYARAN ULUNG KAPAL

TEMPAT: PELABUHAN KLANG UTARA, SELANGOR

TARIKH: 12 MAR 1991

MASA:

Yang Mulia Raja Tan Sri Muhammad Alias  
Pengerusi  
Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad  
Yang Berhormat Menteri-Menteri  
Dif-dif Kehormat  
Tuan-tuan dan puan-puan  
Saya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan  
ahli-ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perkapalan  
Antarabangsa Malaysia Berhad kerana menjemput saya untuk  
merasmikan pelayaran ulung kapal tangki minyak sawit terbaru  
MISC, 'Bunga Siantan' dan juga untuk melancarkan  
perkhidmatan pengangkutan kontena, MISC Haulage Services  
Sendirian Berhad.

2. Kita bersyukur kerana ekonomi negara ini adalah baik.  
Pertumbuhan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi telah  
meningkatkan permintaan tempatan, yang membawa kepada  
perkembangan dalam berbagai-bagai industri tempatan.  
Permintaan luar untuk barang-barang keluaran negara kita,  
terutamanya bahan berasaskan sumber alam, barang-barang  
elektrik dan penghasilannya telah meningkatkan pengeluaran  
untuk dieksport. Keadaan ekonomi yang menggalakkan ini  
pasti akan meninggalkan kesan yang positif kepada semua  
industri termasuk industri perkhidmatan.

Tuan-tuan dan puan-puan

3. Perkapalan merupakan sektor terpenting dalam industri  
pengangkutan. Satu sistem pengangkutan yang unggul perlu  
diwujudkan untuk memastikan barang-barang untuk eksport dan  
import dapat sampai ke destinasi dengan cepat dan selamat  
seperti yang dijadualkan. Selain daripada sistem  
pengangkutan udara dan darat, pengangkutan barang-barang  
melalui laut terus penting kerana hanya kapal laut yang  
mampu mengangkut barang-barang yang berat dan besar dengan  
murah. Oleh itu Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang  
berat terhadap pertumbuhan industri perkapalan negara.

4. Industri perkhidmatan termasuk perkapalan perlu  
bergerak seiring dengan kemajuan dalam sektor perusahaan.  
Kedua-dua industri ini sepatutnya sokong menyokong di antara  
satu sama lain. Tetapi biasanya pertumbuhan sektor  
perusahaan mendahului sektor perkhidmatan. Kita perlu  
berusaha untuk menentukan pertumbuhan yang seimbang, kerana  
pembangunan yang tidak seimbang akan mengendalakan  
pembangunan industri dan melemahkan pelaburan khususnya

untuk eksport

5. Kerajaan yang sedar tentang perlunya bantuan diberikan untuk memastikan pertumbuhan yang seimbang dan pembangunan yang teratur dalam industri perkapalan telahpun membentuk berbagai-bagai insentif termasuk insentif fiskal pada tahun-tahun yang lalu. Industri perkapalan, pada keseluruhannya, telah menunjukkan reaksi yang positif kepada insentif ini. Untuk memenuhi keperluan perdagangan masa kini, bilangan kapal yang berdaftar di negara ini dan dimiliki oleh warganegara Malaysia telah meningkat dengan kemudahan yang lebih canggih.

6. Walau bagaimanapun masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Walaupun kadar tambang berada pada paras yang stabil dan pengangkutan barang-barang oleh syarikat-syarikat perkapalan dan penerbangan turut meningkat, defisit kadar tambang dan insuran juga terus meningkat kerana penggunaan kapal dan insuran asing. Perbezaan ini menunjukkan pembangunan yang tidak seimbang dalam sektor perkapalan negara dibandingkan dengan pertumbuhan dalam dagangan Malaysia. Sekiranya perkembangan angkatan kapal kita tidak diselaraskan dengan keperluan perdagangan Malaysia, permintaan untuk perkhidmatan perkapalan asing akan terus meningkat. Ini akan menjejaskan ekonomi kita kerana sebahagian besar daripada kos perdagangan akan dinikmati oleh perusahaan perkapalan dan insuran negara asing.

7. Peningkatan pendaftaran kapal-kapal di Malaysia akan dapat menolong membetulkan kedudukan ini dan menyumbangkan kepada penjimatan dalam pertukaran mata wang asing. Ia juga akan dapat membantu mengurangkan pergantungan kepada syarikat-syarikat perkapalan dan insuran asing. Dalam hal ini saya merasa bangga kerana MISC dalam usaha untuk mempertahankan kedudukannya sebagai syarikat perkapalan nasional yang terbesar sedang melaksanakan program pembesaran angkatan kapalnya. Saya sedar bahawa industri perkapalan bukan sahaja memerlukan modal yang besar tetapi pulangan pelaburannya juga adalah rendah. Industri ini juga mempunyai tempoh pulangan hasil yang lama dan dipengaruhi oleh kitaran pasaran yang tidak menentu. Namun tanpa penyertaan kapal-kapal kita sendiri, kita akan terdedah kepada tekanan-tekanan konferansi perkapalan yang menguasai industri ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Persaingan dalam industri perkapalan antarabangsa adalah amat sengit. Para pelanggan perkapalan biasanya akan cuba mendapatkan kadar tambang yang rendah dan para pemilik kapal Malaysia perlu sentiasa sedar akan hakikat ini dan mesti berusaha untuk menawarkan kadar yang kompetitif untuk menarik para pelanggan, di samping memberi perkhidmatan yang cekap dan reliable. Syarikat-syarikat perkapalan negara mestilah sentiasa berusaha untuk mengurangkan kos.

9. Kerajaan akan terus memberi sokongan dan bantuan di mana perlu. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan yang

ingin menjadikan Malaysia sebuah negara maritim. Dalam hal ini, perhatian akan terus diberikan kepada kemudahan-kemudahan sampingan seperti latihan, kemudahan baik-pulih kapal dan pembangunan pelabuhan supaya industri perkapalan negara dapat tumbuh dalam suasana yang penuh persaingan.

10. Satu aspek yang jarang dikenali oleh umum dalam bidang perkapalan ialah peluang pekerjaan yang terdapat dalam sektor ini serta aktiviti-aktiviti kaitan. Terdapat beberapa buah negara di mana pendapatan pelaut-pelaut mereka yang bekerja dengan kapal-kapal asing merupakan punca pendapatan negara yang penting. Malaysia mempunyai tradisi maritim dan oleh itu tidak ada sebabnya mengapa kapal-kapal kita tidak boleh diusaha dan dikendalikan oleh rakyat Malaysia sendiri. Kapal-kapal moden dilengkapi dengan bermacam-macam kemudahan termasuk bilik dingin dan makanan segar serta televisyen. Di samping itu semasa di laut semua pendapatan boleh ditabungkan untuk pembelian harta atau pelaburan kemudian. Jika pun rakyat Malaysia tidak sanggup menjadi pelaut seumur hidup, dengan bekerja hanya beberapa tahun sahaja mereka boleh mengumpulkan wang untuk bersara daripada kerja di laut. Kerjaya di laut menawarkan peluang-peluang yang luas kepada anak-anak Malaysia yang sanggup mengembara dan menghadapi cabaran walaupun risiko pelayaran tidak lagi seperti di zaman dahulu.

11. Negara kita khasnya dan negara-negara ASEAN amnya dijangka menjadi sumber utama pelaut-pelaut terlatih memandangkan kekurangan serta kos yang tinggi bagi pelaut-pelaut dari negara-negara maju. Persaingan permintaan bagi tenaga manusia mahir dalam industri di darat perlu diambilkira oleh para pemilik kapal dalam usaha mereka untuk mengekal dan menambahkan bilangan kakitangan di laut. Para pemilik kapal perlu memikirkan dan memberi perhatian kepada peningkatan bilangan pelaut tempatan yang terlatih. Adalah penting bagi pihak-pihak berkuasa yang berkenaan memainkan peranan dalam memastikan kita tidak menghadapi ketandusan pelaut-pelaut terlatih di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Saya merasa bangga melihat MISC mempelbagaikan bidang perniagaannya dan sekarang sudah mula melibatkan diri dalam operasi di darat yang merupakan sebahagian daripada rancangan mereka untuk membangun dan menjadi sebuah syarikat pengangkutan dan pengedaran yang serba lengkap. Jumlah barang-barang berkontena yang bergerak melalui pelabuhan di Malaysia telah meningkat dengan pesatnya dalam tahun-tahun kebelakangan ini dan walaupun ke tiga-tiga syarikat pengangkut kontena yang ada sekarang telah meningkatkan ruang muatan mereka, adalah terbukti yang mereka sukar untuk memenuhi sepenuhnya permintaan yang kian bertambah. Oleh itu, Kerajaan telah meluluskan permohonan MISC untuk melibatkan diri dalam pengangkutan kontena. Dalam mempertimbangkan permohonan MISC, Kerajaan mengambilkira kedudukannya sebagai syarikat perkapalan yang terbesar di Malaysia dan juga bilangan kontena yang dikendalikannya. Namun Kerajaan akan monitor sepanjang masa prestasi khidmat

keempat-empat syarikat pengangkut kontena. Jika mereka tidak dapat menampung permintaan atau khidmat mereka tidak memuaskan, maka Kerajaan akan mengeluarkan lesen angkut kontena kepada pihak lain yang berminat. Kerajaan ingin menekankan pentingnya pengangkutan kontena menjadi efisien demi meningkatkan daya saingan export Malaysia.

13. Saya berharap penglibatan MISC Haulage Services Sendirian Berhad dalam bidang pengangkutan kontena akan membawa kepada pertambahan ruang pengangkutan kontena sejajar dengan permintaan. Persaingan dengan syarikat-syarikat pengangkut kontena yang lain akan memberi manfaat kepada para pengguna yang mempunyai lebih pilihan. Melalui pengurusan yang cermat, disiplin dan sistem pasaran yang teratur, saya percaya MISC Haulage Services akan dapat mengukuhkan kedudukannya dan membina satu reputasi melalui perkhidmatan yang cekap dan dipercayai. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada syarikat MISC Haulage Services.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Kerajaan telah lama mempertimbangkan untuk menswastakan Limbungan Perkapalan dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad (MSE). Berbagai-bagai spekulasi telah dibuat mengenai hal ini. Saya suka mengumumkan bahawa Kerajaan telah membuat satu keputusan mengenai perkara ini. Kerajaan akan menswastakan semua pegangan ekuitinya dalam MSE kepada sebuah konsortium yang dianggotai oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam perkhidmatan perkapalan. MISC akan menjadi pemegang ekuiti yang terbesar di dalam MSE yang akan disusun semula. Saya yakin, kumpulan pengurusan yang baru ini akan berjaya memimpin limbungan perkapalan ini untuk terus meningkat dan membangunkan demi kepentingan negara. Saya berharap perhatian yang lebih dapat diberikan dalam usaha menyedia dan meningkatkan perkhidmatan baik-pulih bagi industri perkapalan serta pembinaan kapal.

Tuan-tuan dan puan-puan

15. Saya mengucapkan tahniah kepada MISC sempena pelayaran ulung 'Bunga Siantan' dan pelancaran perkhidmatan pengangkutan kontena. Saya yakin MISC akan terus memberi perhatian kepada keperluan para pelanggannya dan akan sentiasa mengikuti perkembangan teknologi dalam usahanya untuk menyediakan satu perkhidmatan yang bermutu tinggi. Kejayaan MISC sangat membanggakan dan saya penuh yakin ini dapat dikekalkan.

16. Sekarang saya dengan sukacitanya melancarkan perkhidmatan pengangkutan kontena MISC Haulage Services Sendirian Berhad dan merasmikan pelayaran ulung 'Bunga Siantan'.